



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

KENYATAAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG PERJANJIAN PENYELESAIAN ANTARABANGSA YANG TERHASIL DARIPADA PENGANTARAAN 2025

Putrajaya, 12 Februari 2026 – Dewan Rakyat secara sebulat suara telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 pada 11 Februari 2026 yang telah dibentangkan oleh YB M. Kula Segaran, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi).

RUU ini dibangunkan sejak 2019 bagi membolehkan Malaysia meratifikasi *The United Nations Convention on International Settlement Agreements Resulting from Mediation*, yang juga dikenali sebagai *The Singapore Convention* (Konvensyen Singapura) apabila Kerajaan menandatangani Konvensyen tersebut pada 7 Ogos 2019.

Melalui akta ini, sebarang perjanjian penyelesaian yang dicapai melibatkan pertikaian komersial di peringkat antarabangsa boleh dikuatkuasakan secara terus di Mahkamah Tinggi tanpa perlu melalui proses litigasi yang panjang. Akta ini juga memperuntukkan penerimaan perjanjian penyelesaian sebagai bahan bukti atau pembelaan dalam mana-mana prosiding kehakiman di Malaysia.

Proses penggubalan akta baharu ini melibatkan pelbagai siri perbincangan (FGD) sejak 2019 bersama pemegang taruh penting termasuk Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam Malaysia, *Sabah Law Society* (SL), *Advocates Association of Sarawak* (AAS), serta badan penimbang tara seperti Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC) (Malaysia), *Malaysian International Mediation Centre* (MIMC), *Borneo International Centre for Arbitration and Mediation* (BICAM) dan *Securities Industry Dispute Resolution Center* (SIDREC) untuk memastikan keperluan industri dipenuhi dan selaras dengan Konvensyen Singapura.

Kerajaan melalui BHEUU JPM akan meneruskan proses ratifikasi serta membuat pindaan-pindaan berbangkit kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 61] dan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U.(A) 205/2012] di mana tindakan tersebut akan dilaksanakan selepas RUU ini diluluskan di Dewan Negara.

Inisiatif ini selaras dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk memperkasakan mekanisme Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) di Malaysia, seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap kerangka sistem perundangan negara sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hub penyelesaian pertikaian serantau (*preferred seat*) yang kompetitif.

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
12 FEBRUARI 2026

